

21/04/1998

JPN keluar kad pintar tahun depan

Ahmad Ghazali Musa

KUALA LUMPUR, Isnin - Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dijangka mula mengeluarkan kad pengenalan berasas konsep kad pintar pelbagai guna (MPC) akhir tahun depan apabila projek membabitkan pembangunan pangkalan data dan perkomputerannya terus berjalan lancar dan mengikut jadual.

Kad pengenalan berkenaan akan menyertakan mikro cip yang mengandungi data dari Kementerian Kesihatan, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Pengerusi Eksekutif PNB Information Technologies Sdn Bhd (PNBiT), Datuk Mohd Hilmey Mohd Taib, berkata syarikatnya kini sedang menguji sistem pangkalan data bersepadu JPN yang baru dibangunkan oleh syarikatnya.

Beliau berkata, pelaksanaan ujian bagi pangkalan data terbaru JPN akan dijalankan selama sebulan, bermula Sabtu lalu di ibu pejabat JPN, Petaling Jaya.

"Pelaksanaannya bagi mengenal pasti kelemahan dan memastikan penggunaan pangkalan data baru itu lebih mudah. Tenaga pakar kami akan menjalankan kerja pengubahsuaian dan memastikan data adalah lengkap dan tepat.

"Kemudian ujian pelaksanaan penggunaan kad pengenalan pula akan diteruskan untuk tempoh seminggu," katanya di pejabatnya, di Taman Teknologi Malaysia di sini, hari ini.

Menurut Mohd Hilmey, selain membangunkan sistem pangkalan data bersepadu yang mengandungi data lengkap seseorang warganegara Malaysia, PNBiT turut memberi penekanan memasukkan data cap jari dan gambar yang dilakukan secara digital.

Beliau berkata, pembangunan sistem berkenaan yang dikenali sebagai Sistem Mengenal Pasti Cap Jari Automatik (AFPIS) membolehkan komputer mengenal pasti cap jari pemilik kad pengenalan seseorang sama ada sah atau sebaliknya.

"Sistem AFPIS adalah ciri yang turut disepadukan pada kad pengenalan berkenaan," katanya.

Ditanya adakah syarikat itu turut mengeluarkan kad pintar, beliau berkata, PNBiT hanya terbabit dalam membangunkan pelbagai aplikasi untuk kad pintar dan ia tidak terbabit dalam mengeluarkan kad pintar.

Bagaimanapun, beliau berkata, agak membanggakan pembangunan aplikasi bagi kad pintar dan projek perkomputeran di beberapa agensi kerajaan dilakukan sepenuhnya anak tempatan.

"Aplikasi yang dibangunkan oleh tenaga pakar berasas kepada senibina sistem pelayan pelanggan (client/server architecture) sudah terbukti berupaya melaksanakan pelbagai tugas.

"Ini terutama aplikasi perkomputeran bagi Pos Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang sudah terbukti dapat melayani pelbagai keperluan pelanggan dengan cepat," katanya.

Paling terbaru ialah pembabitan PNBiT dalam membangunkan aplikasi bagi Pasport Pintar Antarabangsa Malaysia yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Pasport pintar itu mempunyai ciri keselamatan khas, dilengkapi cip dan data peribadi pemegangnya yang hanya boleh dibaca menerusi 'Machine Readable Passport' (MRP)/ Image Retrieval Identification (IRIS).

Malaysia menjadi negara pertama memasang cip pada pasport sebagai langkah keselamatan, manakala data peribadi yang boleh dibaca oleh mesin sudah dilaksanakan di Amerika Syarikat dan Singapura.

(END)

